



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO			
TARIKH	:	19/9/2019	MUKA SURAT	:	3
JABATAN	:	KATS			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

Enam titik panas bukan punca jerebu teruk di Malaysia

PUTRAJAYA - Enam titik panas dikesan dalam hutan simpan di Semenanjung Malaysia, namun ia bukan punca jerebu dalam negara, kata Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, Dr. A. Xavier Jayakumar (**gambar**).

Menurutnya, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) melalui cerapan imej satelit telah mengesan enam titik panas pada 17 dan 18 September lalu iaitu tiga di Johor, dua di Pahang dan satu di Terengganu.

"Ia adalah terkawal dan tidak menjadi punca jerebu dalam negara," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Berikutan keadaan jerebu, Xavier memberitahu, semua Jabatan Perhutanan Negeri termasuk Sabah dan

Sarawak diingatkan untuk membuat pemantauan berterusan bagi mengenal pasti titik panas dan mengawal kejadian kebakaran terutamanya yang diwartakan sebagai hutan simpan kekal (HSK).

Antara tindakan pencegahan kebakaran di kawasan HSK yang dilaksanakan JPSM termasuklah menubuhkan pasukan khas yang dikenali sebagai Semut Merah yang terdiri daripada anggota Jabatan Perhutanan Negeri, untuk memadam dan mengawal kebakaran.

"Telaga tiub juga dibina dengan kerjasama Jabatan Mineral dan Geosains di kawasan-kawasan titik panas yang dikenal pasti yang mana jumlah keseluruhan *tube well* yang ada pada masa ini adalah 85 buah," ujarnya.

- Bernama

